Pejabat kerajaan beroperasi ikut SOP

MOHD. KHAIRUL

PUTRAJAYA – Semua pejabat kerajaan akan beroperasi sepenuhnya sepanjang tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermula esok hingga 26 Januari ini.

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Tan Sri Mohd. Khairul Adib Abd. Rahman berkata, perkara itu bagi memastikan sistem penyampaian perkhidmatan awam diteruskan.

Menurutnya, bagi negeri yang dikenakan PKP dan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB), kehadiran 100 peratus pegawai yang berkhidmat dalam perkhidmatan penting manakala hanya 30 peratus pegawai bagi perkhidmatan lain.

"Bagi kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) pula, kehadiran pegawai adalah secara optimum.

"Lain-lain pegawai diarahkan untuk Bekerja Dari Rumah (BDR)," katanya menerusi pekeliling Arahan Pengoperasian Pejabat Kerajaan di Bawah Perintah-Perintah Kawalan Pergerakan semalam.

Dalam pada itu, Mohd. Khairul menambah, kehadiran penjawat awam ke pejabat sepanjang tempoh itu selaras dengan dengan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2020: Dasar Bekerja Dari Rumah (PP 5/2020).

Pada masa sama, jelasnya, ketua jabatan masing-masing hendaklah menentukan kehadiran pegawai yang diperlukan untuk bertugas di pejabat.

"Surat edaran ini juga terpakai kepada mana-mana negeri atau kawasan tertentu mengikut jenis perintah yang diumumkan kerajaan dari semasa ke semasa.

"Arahan ini turut dipanjangkan kepada Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan dan penerimaannya tertakluk kepada pihak berkuasa masing-masing," ujarnya.

Scanned with CamScanner